



MEMO

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 Jld.2(5) TARIKH: 30 Disember 2010

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN BIL 29 TAHUN 2010 PENGGUNAAN PELEKAT KENDERAAN DI CIAST	
DARIPADA : KETUA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	SALINAN : KP JPK
KEPADA : SEMUA KAKITANGAN DAN PELAJAR	
MELALUI : TPPL, TPPP DAN SEMUA KETUA BAHAGIAN/PROGRAM	

1. TUJUAN

Penguatkuasaan penggunaan pelekat kenderaan kepada kakitangan dan pelajar CIAST.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pengurusan CIAST telah bersetuju supaya kad pelekat kenderaan di kuatkuasakan penggunaannya kepada kakitangan dan pelajar CIAST.

2.2 Dua jenis pelekat telah disediakan iaitu untuk kakitangan dan pelajar.

2.3 Penggunaan pelekat kenderaan bertujuan bagi memudahkan pengenalan dan kawalan kenderaan keluar masuk ke CIAST oleh Pegawai Keselamatan yang bertugas.

2.4 Ia juga diharapkan akan dapat meningkatkan tahap kawalan keselamatan di CIAST.

3. ARAHAN

3.1. Semua kakitangan CIAST adalah dikehendaki mendaftar kenderaan yang digunakan ketika hadir ke CIAST dengan Unit Pentadbiran Bahagian Khidmat Pengurusan. Manakala kenderaan pelajar hendaklah didaftarkan di Program yang menganjurkan kursus berkenaan.

PT
With thanks web.
✓ 3/1

- 3.2 Setiap kenderaan yang telah didaftarkan akan diberikan pelekat kenderaan dengan bayaran RM5.00 bagi kereta dan RM3.00 bagi motosikal. Bagi kakitangan baru dan pelajar baru pembelian pelekat akan diuruskan ketika melapor diri/pendaftaran masuk ke CIAST.
- 3.3. Pelekat kenderaan berkenaan hendaklah dilekatkan di cermin hadapan sebelah kiri kenderaan motokar dan ditempat yang sesuai dan mudah dilihat bagi kenderaan motosikal.
- 3.4 Pelekat kenderaan hendaklah sentiasa di lekatkan pada kenderaan ketika memasuki kawasan CIAST.
- 3.5. Kenderaan yang memasuki kawasan CIAST hendaklah sentiasa mematuhi peraturan lalulintas CIAST. Antara peraturan berkenaan;
 - a. Meletak kenderaan ditempat letak kenderaan yang telah disediakan. Meletak kenderaan diluar petak letak kenderaan adalah dilarang.
 - b. Mematuhi arahan jalan sehala seperti yang ditetapkan.
 - c. Mematuhi arahan Pengawal Keselamatan yang bertugas di pintu keluar masuk CIAST dan ketika rondaan.
 - d. Memandu kenderaan dengan cara yang berhemah dan tidak memandu secara merbahaya.
 - e. Kenderaan hendaklah memiliki lesen kenderaan motor yang sah dan masih berkuatkuasa.
 - f. Pemandu hendaklah memiliki lesen memandu kenderaan yang sah dan masih berkuatkuasa.

4. TARIKH KUATKUASA

Arahan Pengurusan ini berkuatkuasa mulai 1hb Januari 2011.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan peraturan diatas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi "

(GHAZLAN BIN GHAZALI)

Pengarah CIAST